

# Usah leka, manfaatkan keberkatan bulan Ramadan - PM



**ISMAIL SABRI**

**PETALING JAYA** - Rakyat Malaysia diingatkan agar tidak leka dan terus mengamalkan kawalan sendiri selain tetap memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam meskipun negara kini sudah berada dalam tempoh fasa peralihan endemik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sepanjang diuji dengan pandemik Covid-19, umat Islam di Malaysia tidak dapat mengima-

rahan masjid seperti menganjurkan majlis berbuka puasa dan moreh, manakala solat fardu dan tarawih berjemaah terikat dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

- "Alhamdulillah, kita kini sudah berada dalam fasa peralihan ke endemik yang membolehkan Keluarga Malaysia kembali kepada kehidupan normal.

"Pada Ramadan tahun ini, umat Islam dapat kembali mera-

patkan saf untuk menunaikan solat fardu dan tarawih secara berjemaah, serta menyemarakkan program Ihya Ramadan, tertakluk kepada ketetapan pihak berkuasa agama negeri," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu menyampaikan Ucapan Khas Sempena Ramadan 1443 secara langsung menerusi platform siaran televisyen tempatan semalam.

Dalam ucapannya itu, Is-

mail Sabri turut mengambil peluang mengucapkan selamat menyambut Ramadan al-Mubarak dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada Keluarga Malaysia yang beragama Islam.

Ismail Sabri berkata, pihaknya percaya ramai rakyat Malaysia yang ingin pulang ke kampung halaman untuk menyambut Ramadan kali ini kerana tidak berpeluang menyambutnya pada Ramadan yang lepas.